

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]
TARIKH : 09 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan dan bilangan penerima Geran Khas Prihatin (GKP) sejak pelaksanaan. Nyatakan syarat kelulusan dan/atau kelayakan untuk menerima Geran Khas Prihatin (GKP 4.0).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, sejumlah **6.08 bilion ringgit dimanfaatkan oleh lebih 1 juta usahawan mikro melalui empat siri bayaran GKP semenjak wabak COVID-19 melanda negara.**

Setakat hari ini, jumlah peruntukan yang telah disalurkan adalah berjumlah **5.58 bilion ringgit**. Namun, masih ada lagi bantuan yang akan disalurkan pada bulan ini (November 2021) melalui GKP 4.0 Fasa ke-2 berjumlah **500 juta ringgit**.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, syarat kelayakan GKP sedia ada adalah seperti berikut:

- a. Pertama, pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia;

NO SOALAN : 33

- b. Kedua, pemohon mesti mempunyai jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada 300,000 ringgit, dan jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 4 orang iaitu tidak termasuk pemilik;
- c. Ketiga, pemohon mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; dan
- d. Akhir sekali, pemohon masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat.

Ingin saya menekankan bahawa syarat kelayakan sedia ada adalah sangat minima, dan tidak terlalu ketat. Malah, pada bulan Julai yang lalu, Kementerian Kewangan telah membuka permohonan baharu GKP 4.0 kepada usahawan mikro yang tidak lulus GKP sebelum ini. Kerajaan juga telah membuka untuk permohonan baharu sebanyak empat kali iaitu PKS mikro perlu berdaftar sebelum 31 Disember 2019 bagi GKP 1.0; 31 Ogos 2020 bagi GKP 2.0; 28 Februari 2021 bagi GKP 3.0; dan 30 Jun 2021 bagi GKP 4.0.

Data penerima bantuan GKP adalah berdasarkan data terkini pendaftaran SSM, PBT dan LHDNM. Penerima yang layak untuk menerima bantuan GKP 4.0 adalah melibatkan penerima sedia ada (GKP 1.0, 2.0 dan 3.0) yang berstatus lulus dan berjaya kredit, serta penerima baharu GKP 4.0.

Syarat-syarat ini dikenakan bagi memastikan tiada ketirisan, serta usahawan mikro yang betul-betul layak mendapat bantuan bagi menghadapi cabaran COVID-19.

Sekian, terima kasih.